Kalendar Peristiwa
Julai - September 2003

28 Julai 2003

Bank menjadi tuan rumah kepada Bengkel Anti Pengubahan Wang Haram ASEAN, yang merupakan sebahagian daripada komitmen terhadap Pelan Tindakan ASEAN untuk Memerangi Jenayah Terancang Antarabangsa. Bengkel ini merupakan satu lagi langkah penting ke arah mewujudkan kerjasama serantau mengenai kewangan bagi mengukuhkan benteng kewangan serantau terhadap kejutan luaran.

27 Ogos 2003

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia telah berkembang pada kadar 4.4% pada suku kedua tahun 2003, dan ini menjadikan prestasi pertumbuhan ekonomi pada separuh tahun pertama sebanyak 4.5%. Bank juga telah mengeluarkan Kenyataan Dasar Monetari buat kali pertama.

29 Ogos 2003

InfoInsurans, sebuah Program Pendidikan Pengguna bagi industri insurans dan takaful, telah dilancarkan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan keutuhan pasaran dan perlindungan pengguna yang merangkumi seluruh aktiviti perbankan, insurans dan takaful.

29 Ogos 2003

Bank Negara Malaysia dan industri perbankan telah mengadakan sesi dialog untuk berbincang mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan serta prestasi sektor perbankan. Mesyuarat tersebut juga membincangkan pemberian pinjaman, terutamanya kepada industri kecil dan sederhana dan penukaran kepada penggunaan cip Europay MasterCard Visa bagi kad kredit. Mesyuarat tersebut juga dimaklumkan mengenai perkembangan cadangan skim deposit insurans dan aktiviti-aktiviti Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB).

15 September 2003

Seperti yang diumumkan dalam Bajet 2004, Bank akan mula mengeluarkan Bon Simpanan Merdeka secara lebih kerap, mulai bulan Februari 2004. Bon tersebut merupakan instrumen tabungan tambahan yang menawarkan kadar pulangan yang lebih baik kepada golongan pesara. Langganan kepada bon-bon ini akan dibuka kepada pesara yang tidak bekerja sepenuh masa dan kepada anggota beruniform yang telah bersara wajib dan tidak bekerja secara tetap.

18 September 2003

Bank mengumumkan bahawa ia akan mengeluarkan sehingga tiga lesen perbankan Islam yang baru kepada peserta asing yang layak, sebagai sebahagian daripada langkah menyeluruh untuk mengukuhkan integrasi sistem perbankan Islam tempatan di peringkat global. Langkah ini mempercepatkan liberalisasi industri perbankan Islam negara dari segi pemberian lesen baru, ke tahun 2004, tiga tahun lebih awal daripada jangkaan Pelan Induk Sektor Kewangan.

23 September 2003

Gabenor dipilih sebagai Gabenor Bank Pusat Asia Terbaik 2003 oleh Euromoney Institutional Investors plc, sebuah syarikat penerbitan kewangan beribu pejabat di United Kingdom, dalam keluaran khasnya Emerging Markets, sebuah buletin berita Euromoney. Buletin tersebut telah diedarkan pada Mesyuarat Tahunan Lembaga Pengarah Bank Dunia dan IMF di Dubai pada 17-24 September 2003.

26 September 2003

Ekspo Perbankan Islam dan Takaful 2003 telah dilancarkan di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur, sempena Minggu Perbankan Islam dan Takaful (26 September - 2 Oktober). Ekspo ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan umum kepada perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam, selain bertujuan menambah jumlah urus niaga perbankan Islam dan Takaful.

29 September 2003

Bank telah mengeluarkan tiga duit syiling peringatan sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA '03) yang telah diadakan pada 30 September - 5 Oktober 2003 di Pulau Langkawi.